

📅 Jumaat, Jan 05 2018

Ringgit tertinggi sejak Mac 2016

Utusan A11

KUALA LUMPUR 4 Jan. - Ringgit ditutup pada 4.0050 bagi satu dolar Amerika Syarikat (AS) hari ini, sekali gus menjadi paras tertinggi sejak 22 Mac 2016.

Ketua Pakar Ekonomi MIDF Amanah Investment Bank Bhd., Dr. Kamaruddin Mohd. Nor berkata, sebarang kenaikan baharu kadar faedah yang akan diumumkan oleh pihak Rizab Persekutuan AS pada tahun ini akan memberi kesan kepada kadar pertukaran dolar dengan unit tempatan itu.

Beliau turut menjangkakan Bank Negara Malaysia (BNM) menaikkan kadar faedah sebanyak 0.25 mata asas kepada 3.25 peratus berbanding tiga peratus ketika ini.

"Unjuran lain pada 2018, kami

menjangkakan aliran masuk ke dalam ekuiti Bursa Malaysia secara terus terutama selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

"Bagi aliran keluar dana asing, ia mungkin didorong oleh faktor-faktor luaran dan kesannya dijangka minimum," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sementara itu, Kenanga Research menjangkakan bursa tempatan mengalami persekitaran mencabar tahun ini, terutamanya ke-

dan pembaharuan cukai AS.


Menurut firma penyelidikan itu, kemampunan pasaran ekuiti

AS juga akan memberi impak dengan mengambil kira pertumbuhan pendapatan ekonomi dan korporat AS.

"Di Malaysia, kebimbangan terhadap pasaran semakin meningkat sepanjang tempoh PRU-14 akan datang.

"Walaupun pasaran ekuiti untuk 2018 mungkin tidak berjalan

lancar, masih munasabah untuk kami menjangkakan suku pertama bakal merekodkan prestasi agak baik," katanya.



KAMARUDDIN